

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI
[LAHAD DATU]**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk memperhebatkan lagi sektor agro-pelancongan khususnya dalam menarik minat pelancong domestik.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sememangnya memberi perhatian kepada sektor agropelancongan. Di antara inisiatif Kementerian untuk memperhebatkan lagi sektor agro-pelancongan khususnya dalam menarik minat pelancong domestik adalah seperti berikut:

- 1. Geran membina dan menaiktaraf infrastruktur pusat agropelancongan.**

Setiap tahun, Kerajaan menyediakan program agropelancongan dengan memberi bantuan geran membina dan menaiktaraf infrastruktur kepada pusat-pusat agropelancongan yang diusahakan oleh golongan sasaran. Objektif program ini adalah untuk memperkasakan aktiviti ekonomi dan keusahawanan masyarakat tani dengan mempelbagaikan sumber pendapatan mereka serta membuka peluang pekerjaan baru kepada

penduduk setempat. Bagi tahun 2020 sejumlah geran bernilai RM3,366,090.00 telah diberikan kepada 35 pusat agropelancongan. Manakala pada tahun 2019, sejumlah geran bernilai RM3,396,200.00 telah diberikan kepada 56 pusat agropelancongan;

2. Mempergiat aktiviti promosi dengan kerjasama pihak berkepentingan dalam industri pelancongan

Keadaan pandemik Covid-19 semasa dalam negara telah memberi impak yang besar kepada pengusaha-pengusaha pusat agropelancongan. Oleh yang demikian, aktiviti promosi berskala besar secara fizikal tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya pada tahun ini.

Sehubungan itu, Kementerian telah menjalinkan kerjasama bersama pihak-pihak berkepentingan dalam mempromosikan pusat-pusat agropelancongan di peringkat domestik serta antarabangsa seperti Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), Tourism Malaysia dan *Malaysia Inbound Tourism Association* (MITA); dan

3. Khidmat nasihat dan bimbingan jabatan dan agensi di bawah MAFI

Kementerian dengan jabatan dan agensi di bawahnya turut memberikan khidmat nasihat kepada pengusaha pusat agropelancongan yang berminat untuk memantapkan lagi industri agropelancongan melalui pelaksanaan program latihan yang lebih komprehensif kepada pengusaha pusat agropelancongan termasuk memperkasakan elemen pemasaran produk dan perkhidmatan mereka melalui platform digital.

Sekian, terima kasih.